NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#18

2 Mei 2024 – 8 Mei 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**nexus**

ISI KANDUNGAN

Media Asing Berniat Jahat Terhadap Malaysia..... 2
Mampukah Indeks KLCI Terus Meningkat?..... 4
Reformasi TVET Secara Holistik..... 7
Kerajaan Setuju MADA Tukar Status Tanah..... 9
Guna Air Bawah Tanah Untuk Padi..... 11
Saudi Aramco Bakal Ambil Alih Shell Malaysia..... 13

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Media Asing Berniat Jahat Terhadap Malaysia

- Pada Ahad lalu, Perdana Menteri Anwar Ibrahim menzahirkan ketidakpuasan hati beliau terhadap **laporan media asing** berhubung pemotongan subsidi bahan api. Laporan yang disifatkan sebagai tidak beretika itu merujuk kepada dua laporan media berkenaan isu pembangunan kasino di Johor dan terbaru isu penarikan subsidi bahan api.

- Isu **pembangunan kasino** ini dilaporkan oleh media asing, Bloomberg. Dalam laporan yang disiarkan pada 25 April 2024, mereka mendakwa bahawa Malaysia sedang berunding dengan beberapa taikun untuk membina kasino di Forest City dengan nilaian projek bernilai USD100 bilion (RM480 bilion).

- Laporan media asing ini turut disiarkan oleh MalaysiaKini pada tarikh yang sama, namun sedikit berbeza dengan pemakluman penafian oleh PM di dalam laporan berita.







- Selain laporan berkenaan pembangunan kasino, media asing seperti The Straits Times Singapore turut melaporkan kenaikan harga bahan api seperti diesel selepas kerajaan memotong subsidi.

- Media ini melaporkan bahawa kerajaan akan mengurangkan subsidi bahan api (diesel) sebagai sebahagian daripada langkah pembaharuan ekonomi.

Harga bahan api bermula dengan diesel dilaporkan akan diapungkan mengikut harga pasaran beberapa minggu selepas pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu pada 11 Mei.

- Beberapa menteri kabinet dalam maklum balas mereka seperti yang dilaporkan oleh media tempatan menyatakan bahawa akan berlaku **kenaikan harga bahan api**. MalaysiaKini melaporkan bahawa Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh memberitahu yang kenaikan harga akan berlaku "tidak lama lagi", namun tidak mengatakannya secara spesifik.
- Manakala Menteri Ekonomi Rafizi Ramli pula seperti yang dipetik oleh Berita Harian berkata kerajaan melaksanakan program **subsidi bersasar RON95** pada separuh kedua 2024.
- Walaupun DSAI berpendapat pemberitaan negatif oleh media asing sejak kebelakangan ini mungkin kerana pendirian politik Malaysia yang tegas. Namun kedua-dua isu ini turut dilaporkan oleh beberapa media tempatan.
- Dikhuatiri laporan media asing berkenaan kedua-dua isu adalah benar dan tiada unsur berniat jahat. Penafian oleh kerajaan pula disebabkan oleh kempen pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu. Kerajaan dilihat cuba menampakkan imej bersih pada PM dan anggota kabinetnya dan menarik sokongan rakyat.

RUJUKAN

- https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/482623
- https://www.malaysiakini.com/news/703569
- https://www.bloomberg.com/news/articles/2024-04-24/malaysia-weighs-opening-casino-in-forest-city-in-potential-boon-for-king-ibrahim?embedded-checkout=true

Mampukah Indeks KLCI Terus Meningkat?

- Pada 7 Mei, indeks FBM KLCI Malaysia (FTSE Bursa Malaysia KLCI) mencapai paras **tertinggi dalam tempoh dua tahun** apabila berlaku peningkatan indeks sebanyak 12.93 mata atau 0.8% ke 1,610.32, yang merupakan nilai tertinggi sejak 5 Mei 2022. Kenaikan yang berlaku dalam saham daripada sektor pengguna dan perbankan menyebabkan indeks utama ini meningkat selama empat hari berturut-turut.

- Setelah sekian lama kedudukan Bursa Malaysia berada di **kedudukan yang rendah** sekitar 1,400 hingga 1,500, prestasi ini dilihat sebagai sesuatu yang positif, meskipun jika dilihat dari sudut sejarah, pasaran saham Malaysia pernah mencatat paras paling tinggi yang lebih baik pada angka 1,896 pada April 2018.

- Angka 1,600 dalam konteks indeks FBM KLCI merujuk kepada nilai poin indeks tersebut pada satu-satu masa. Indeks KLCI diukur berdasarkan **prestasi harga saham bagi 30 syarikat terbesar** di Bursa Malaysia berdasarkan permodalan pasaran. Nilai indeks ini adalah penting kerana ia memberikan gambaran umum tentang keadaan dan trend pasaran saham di Malaysia.

- Jika indeks FBM KLCI meningkat, ini menunjukkan tahap tertentu dalam nilai gabungan syarikat-syarikat yang terlibat dalam indeks tersebut. Nilai ini juga boleh dianggap sebagai penanda psikologi pasaran, di mana ia boleh memberi kesan kepada kepercayaan pelabur dan keputusan pelaburan mereka.

- Pencapaian indeks ke paras seperti 1,600 boleh dilihat sebagai tanda positif yang awal, menunjukkan bahawa syarikat-syarikat besar di Malaysia secara keseluruhannya dalam keadaan yang baik, mampu menarik lebih banyak pelaburan ke dalam pasaran saham Malaysia.

- Namun, jika dibandingkan dengan **indeks utama di peringkat global** seperti di bawah, ini baru langkah permulaan. Negara memerlukan langkah yang lebih kukuh bagi menstabilkan pasaran saham negara. Setakat jam 9 pagi, 8 Mei 2024, Indeks (Pasaran US) Dow Jones Industrial Average: 38,884.26 (0.08%), S&P 500 Index: 5,187.70 (0.13%), NASDAQ: 16,332.56 (-0.10%), (Pasaran Eropah) FTSE 100 Index: 8,313.67 (1.22%), DAX: 18,430.05 (1.40%), (Pasaran Asia) HSI: 18,479.37 (-0.53%), STI: 3,300.04 (-0.10%), dan Malaysia KLCI: 1,605.68 (0.52%).
- Menjadi **cabaran besar** kepada Bursa Malaysia dan Kerajaan terutamanya dalam memastikan indeks pasaran kekal di paras 1,600 dalam tempoh yang panjang. Data Bloomberg menunjukkan sasaran agregat 12 bulan untuk KLCI adalah pada 1,683 mata.
- Ada pihak yang menyatakan bahawa situasi ini didorong oleh sentimen positif pelabur dan keyakinan berterusan terhadap kemungkinan berlakunya penurunan kadar faedah global dan keuntungan besar kaunter cip biru (blue chip counter) - diterajui oleh sektor perbankan, utiliti, hartanah, tenaga dan pengguna (The Star).
- Namun, kebanyakan pengurus dana dan penganalisis berpendapat sebenarnya pertumbuhan pasaran saham ini didorong kuat oleh institusi tempatan seperti **KWSP yang menyerap saham** yang dijual besar-besaran oleh pelabur asing. Institusi tempatan telah menjadi pembeli bersih ekuiti Malaysia sejak dua bulan lalu.
- Bagi minggu berakhir pada 19 April, **belian bersih** berada pada paras tertinggi enam tahun sebanyak RM1.79 bilion. Akan tetapi, jika dibanding dengan dana asing, mereka telah **menjual bersih ekuiti tempatan** bernilai RM1.59 bilion pada minggu dalam tinjauan. Ini adalah aliran keluar bersih mingguan tertinggi dalam tempoh empat tahun.
- Oleh itu, prestasi pasaran saham kali ini dilihat sebahagian besarnya dimainkan oleh institusi tempatan dan ini langsung tidak menggambarkan

sentimen pasaran yang baik dalam kalangan pelabur asing. Menjadi persoalan, sejauh manakah prestasi indeks KLCI 1,600 ini mampu bertahan dan meningkat dalam keadaan ekonomi global yang tidak stabil sekarang.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-bisnes/bursa-malaysia-teruskan-lonjakan-hari-keempat-ditutup-lepasi-paras-utama-1600-469565
- https://theedgemalaysia.com/node/710558
- https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/05/08/fbm-klcis-bullish-momentum
- https://theedgemalaysia.com/node/709879

Reformasi TVET Secara Holistik

- Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan negara bagi merealisasikan pencapaian **negara maju**. Kepentingannya tidak dapat disangkal dalam membantu menyediakan tenaga kerja yang berkualiti tinggi dengan kemahiran praktikal yang relevan dengan pasaran pekerjaan.
- Menurut Datuk P. Sri Ganes, Presiden Yayasan Mahir Malaysia, negara masih memerlukan satu pendekatan holistik bagi mereformasikan pembangunan ekosistem TVET sedia ada bagi mewujudkan kesepaduan dan sinergi yang memberi tumpuan kepada **pembangunan bakat berasaskan inovator** berbanding pengguna akhir dalam Revolusi Industri 4.0.
- Tambah beliau lagi, syarikat komersial yang tidak berlandaskan pendidikan dilihat lebih optimis membangunkan produk dan melatih bakat baru mengikut kepentingan syarikat mereka sedangkan pembangunan bakat harus bersifat mampan bukannya berpaksikan pengguna.
- Syarikat ini kemudiannya sering mendapat perhatian daripada kerajaan yang berpendapat bahawa mereka dapat menjana atau membangunkan bakat untuk negara sedangkan bakat seharusnya dibangunkan melalui kerjasama TVET serta syarikat kecil dan sederhana bagi memenuhi demografi kemahiran mampan.
- Kelestarian bakat memerlukan strategi yang komprehensif merangkumi pemahaman terhadap permasalahan teknologi, menganalisis permasalahan, mencari penyelesaian dan mewujudkan impak yang berkesan selari dengan keperluan TVET semasa.
- Bagi memastikan reformasi pendidikan TVET dapat dibuat secara menyeluruh, kerajaan perlu memberi sepenuh kepercayaan kepada **pengendali institusi**

pendidikan tinggi TVET manakala Jabatan Tenaga Manusia perlu menjadi perantara industri dan syarikat besar dalam memenuhi keperluan semasa.

- Pusat-pusat bertauliah atau kolej TVET perlu menjalankan program mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia sebagai agensi yang bertanggungjawab menetapkan standard pekerjaan di Malaysia.
- Selain itu, **pelaburan** dalam infrastruktur dan kemudahan pembelajaran yang berkualiti tinggi juga perlu diutamakan untuk memastikan pelajar mendapat latihan dan pendidikan yang terbaik. Pandangan masyarakat terutama para ibu bapa terhadap pendidikan vokasional perlu ditingkatkan melalui keterlibatan institusi melalui penglibatan pelajar.
- Sistem pendidikan yang lebih fleksibel daripada aliran vokasional ke akademik dan sebaliknya juga perlu dirancang melalui penawaran program pendidikan dan latihan vokasional atau penubuhan institusi vokasional.
- Peningkatan jumlah peruntukan dalam belanjawan negara terhadap usaha mengarus perdana pendidikan TVET merupakan salah satu langkah proaktif serta mencerminkan kesungguhan kerajaan memperkasa bidang pendidikan ini.
- Justeru, adalah penting bagi semua pihak berusaha ke arah memastikan ketersediaan tenaga kerja tempatan yang profesional, mahir serta berkualiti tinggi bagi menjamin pertumbuhan sumber manusia yang mapan.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/reformasi-pembangunan-tvet-perlu-dibuat-secara-holistik-469069
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendekatan-holistik-perlu-bagi-reformasi-pembangunan-tvet-469111
- https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2294122

Kerajaan Setuju MADA Tukar Status Tanah

- Kerajaan Persekutuan secara dasarnya membenarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk **menukar status kawasan sawah** kepada kegunaan komersial.
- Perkara ini diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas perbincangan dengan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi sebagai langkah **meningkatkan pendapatan Kedah** yang bergantung kepada hasil pertanian sebelum ini.
- Perkara itu dibuat atas pertimbangan Kedah telah kehilangan pendapatan kira-kira RM100 juta setahun di kawasan tanah sawah MADA berikutan ada kawasan dikenal pasti boleh dibangunkan untuk tujuan perumahan, industri dan komersial.
- Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi berkata ketika ini terdapat kira-kira 10,000 hektar tanah sawah MADA di bawah Rancangan Tempatan Daerah (RTD) di beberapa daerah untuk pembangunan perumahan. Selain itu, 400 hektar lagi adalah untuk industri serta komersial.
- Kalau mengikut RTD, negeri boleh mendapat **hasil lebih tinggi** atas cukai tanah, cukai kemajuan, cukai pintu dan caj air. Buat masa sekarang, air masuk ke bendang secara percuma, kalau air disalurkan ke rumah atau kilang, maka negeri mempunyai hak untuk caj. Inilah yang membuatkan negeri mengalami kehilangan pendapatan untuk mengekalkan kawasan tersebut sebagai kawasan padi.
- Kerajaan negeri kehilangan pendapatan lebih besar dengan mengekalkan kawasan berkenaan untuk tanaman padi dan memohon bantuan fiskal daripada kerajaan Persekutuan di atas kehilangan pendapatan itu.

- Kerajaan Persekutuan juga bersedia mempertimbangkan permintaan agar peruntukan menaik taraf prasarana pertanian di bawah MADA daripada RM3 bilion dinaikan kepada RM5 bilion.
- Walaupun begitu, perkara ini **mendapat tentangan** daripada Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh yang menyatakan tindakan itu akan memberi impak besar terhadap keterjaminan makanan negara. Ini berikutan ia akan mengurangkan hasil padi dengan anggaran 10% setahun sekiranya 10,000 hektar tanah ditukar status.
- Beliau meminta agar permintaan Menteri Besar Kedah itu diteliti semula dan mencadangkan agar tuntutan Menteri Besar itu digantikan dengan alternatif lain, antaranya menuntut **bayaran kredit karbon** bagi pengekalan kawasan sawah dan hutan negeri.
- Walaupun cadangan tuntutan bayaran kredit karbon merupakan satu alternatif yang baik untuk meningkatkan hasil negeri, perlu difahami bahawa penukaran status tanah MADA kepada komersial bukanlah bertujuan **mengecilkan kawasan tanaman padi** di kawasan MADA.
- Sebaliknya, ia hanya membuka ruang kepada kerajaan negeri untuk mengoptimumkan penggunaan tanah untuk tujuan lain yang tidak sesuai untuk kegunaan pertanian.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/662906/berita/nasional/kerajaan-setuju-tanah-di-kawasan-mada-dipindah-kepada-komersial---pm
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1243154/kedah-hilang-rm100-juta-setahun-ada-kawasan-mada-boleh-dibangunkan
- https://www.sinarharian.com.my/article/663445/edisi/utara/tukar-status-tanah-sawah-dikhuatiri-jejas-keselamatan-makanan

Guna Air Bawah Tanah Untuk Padi

- Kerajaan bercadang untuk menggunakan **sistem air bawah tanah** untuk penanaman padi bagi berhadapan dengan cuaca yang lebih panas bermula tahun hadapan.
- Menurut Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood, sistem tersebut dilihat lebih berkesan kerana boleh mengawal dan mengurangkan kebergantungan terhadap air hujan dan saliran.
- Projek perintis kaedah ini sudah dilaksanakan di kawasan jelapang Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar, Sarawak. Sekiranya berkesan, sistem tersebut akan diperluaskan ke seluruh negara.
- Cadangan penggunaan sistem air bawah tanah susulan daripada **kemarau panjang dan cuaca panas** berterusan yang melanda negara, antaranya di Kelantan yang mengakibatkan kehilangan hasil padi daripada kebiasaan 90,000 tan metrik kepada 50,000 tan metrik.
- Kelantan merupakan penyumbang kedua terbesar pengeluaran beras negara selepas Kedah dengan keluasan 80,000 hektar tanaman padi diusahakan di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) selain penanaman di luar jelapang.
- Kerajaan turut bercadang memperkenalkan 12 **varieti padi jangka pendek** bermula seawal tahun 2026 yang boleh dituai selepas 80 hari penanaman berbanding 110 hari seperti diamalkan sekarang. Kesemua padi itu tahan serangan perosak dan kemarau sebagaimana yang diusahakan oleh petani di Thailand, Indonesia dan Vietnam.
- Penggunaan sistem penyimpanan air bawah tanah bagi penanaman padi ada **kebaikan dan keburukan** tersendiri. Kandungan mineral air yang

diekstrak dari bawah tanah perlu dikenal pasti dan ditapis agar tidak mengandungi mineral tertentu pada nisbah yang tidak selamat untuk tanaman padi. Selain itu, terdapat risiko mendapan permukaan tanah jika air diekstrak pada kadar yang terlalu tinggi.

- Industri padi turut kesal apabila sebenarnya cadangan penggunaan air bawah tanah ini sudah keluar beberapa tahun lepas seperti dalam kenyataan Datuk Azman Mahmood sendiri pada 2021, namun sehingga kini belum ada tindakan tuntas yang diambil untuk menyelamatkan industri padi secara serius dan menyeluruh.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/berita/2024/05/kelantan-hilang-40000-tan-hasil-padi-akibat-kemarau/
- https://thesun.my/local_news/move-to-cultivate-paddy-using-underground-water-aimed-at-tackling-effects-of-drought-MF12428765
- https://thesun.my/cerita/sistem-penyimpanan-air-bawah-tanah-perlu-agar-industri-padi-dan-beras-kekal-mampan-FX8563351

Saudi Aramco Bakal Ambil Alih Shell Malaysia

- Syarikat minyak **Saudi Aramco** berkemungkinan akan mengambil alih perniagaan stesen minyak Shell di Malaysia yang dianggarkan bernilai berbilion dolar. Shell mempunyai kira-kira 500 buah rangkaian stesen minyak di Malaysia dengan pegangan sebanyak 50% dalam Pengerang Independent Refining Company (PRefChem Refinery) yang menghasilkan sekitar 300,00 tong minyak sehari.
- Kilang **PRefChem Refinery** yang terletak di Pengerang, Johor tersebut adalah sebuah kilang penapisan (refinery) yang beroperasi di bawah Pengerang Refining dan Petrochemical, salah sebuah usaha sama antara Petronas dan Saudi Aramco.
- Shell, atau **Royal Dutch Shell**, adalah sebuah syarikat multinasional dalam industri minyak dan gas yang asal dari Belanda. Syarikat tersebut merupakan salah satu syarikat paling besar dan berpengaruh di dunia. Ia ditubuhkan pada tahun 1907 melalui penggabungan antara Royal Dutch Petroleum Company dari Belanda, Shell Transport and Trading Company dari Britain.
- Shell berkata usaha melepaskan 500 stesen minyak pada tahun ini masih dalam rundingan. Selain itu, syarikat tersebut juga dalam usaha menjual kilang penapisan dan petrokimia yang terletak di Pulau Bukom, Singapura.
- Jika Saudi Aramco mengambil alih semua stesen minyak Shell di Malaysia, akan berlaku beberapa perubahan dalam industri minyak dan gas di Malaysia. Saudi Aramco akan memiliki **pegangan saham yang tertinggi** dan mempunyai keupayaan untuk mengawal operasi Shell di Malaysia. Malaysia berkemungkinan akan mendapat mengembangkan pelaburan dengan membawa masuk pelaburan tambahan daripada Saudi Aramco.
- Saudi Aramco merupakan salah satu syarikat minyak dan gas **terbesar di dunia** yang memiliki akses rizab minyak terbesar di Arab Saudi. Syarikat ini

mempunyai akses untuk membekalkan minyak mentah untuk dipasarkan di peringkat global.

- Aramco juga mempunyai kemampuan untuk menghasilkan jutaan tong minyak sehari dan ia memberi kelebihan kepada Malaysia sekiranya syarikat tersebut berminat untuk bertukar maklumat serta teknologi di Malaysia. Syarikat tersebut mempunyai kepakaran dari segi mengesktrak, menghasilkan dan mengedarkan minyak secara komersial.
- Dari sudut **pendapatan bersih suku pertama**, Aramco telah mencatatkan pendapatan sebanyak $27.3 bilion (Q1 2023: $31.9 bilion). Syarikat tersebut telah mengumumkan penambahan 15 tscf kepada rizab gas dan dua bilion tong tangki stok di Jafurah, Arab Saudi. Selain itu, Aramco telah berjaya mengambil alih 100% pegangan ekuiti dalam peruncit Chile Esmax bagi mengukuhkan pasaran mereka dalam sektor minyak mentah.
- Saudi Aramco telah mempunyai pengalaman meneroka luar pesisir (offshore), memiliki rangkaian stesen minyak dan kilang penapisan yang pastinya akan memberi manfaat dalam pembangunan teknologi dan pengkomersialan minyak mentah di Malaysia.

RUJUKAN

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/05/06/shell-in-talks-with-saudi-aramco-to-sell-petrol-stations-in-malaysia/
- https://oilprice.com/Latest-Energy-News/World-News/Saudi-Aramco-in-Talks-to-Buy-Shell-Gas-Stations-in-Malaysia.html
- https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/05/1243764/shell-bincang-jual-stesen-minyak-di-malaysia-kepada-saudi-aramco
- https://www.aramco.com/en/investors
- https://prefchem.com/


YAYASAN STRATEGIK LESTARI
SEACOFSS 2024
SOUTHEAST ASIA CONFERENCE ON FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY
"Nourishing Futures: Sustainable Food Security with Climate Smart Solutions"
17th - 18th November 2024
Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan
REGISTRATION SEACOFSS 2024
PRESENTER PARTICIPANT
Early Bird Before 30 June 2024
Normal
Non-presenter
RM650 (local) USD300 (International)
RM800 (local) USD400 (International)
RM100/USD30 (Student) RM200/USD60 (Professional)
Publication:
Journal of Sustainability Science and Management
JURNAL KEJURUTERAAN
All accepted papers will be published in SEACFOSS 2024 Proceeding with ISSN.
Selected papers will be given the opportunity to publish in WOS and/or Scopus indexed journals, with compulsory publication fee to be paid by the authors.
Important Dates:
Call for abstracts deadline: 19 May 2024
Early bird registration deadline: 30 June 2024
Registration deadline: 8 September 2024
FOR FURTHER INFORMATION PLEASE CONTACT
1. Pengarah : Cik Hanisah Abd Rahman
Whatsapp: 60139805362
E-mail : hanisah@yslestari.org.my
2. Promotion : Dr Siti Hasanah Osman
HP : 60132584302
E-mail : hasanahosman17@gmail.com
Southeast Asia Conference on Food Security and Sustainability (SEACOFSS 2024)
Committee Yayasan Strategik Lestari (YSL)
Unit A-2-16, CoPlace 2, Blok 2260, Jalan Usahawan 1,
Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Office No: +603-8322 5122
E-mail: info@seacofss.com / penyelidik@yslestari.org.my
All payment should be in the form of online transfer/ cheque/bank drafts / purchase order, payable to:
Account holder: TALENT EDGE CONSULTING SDN BHD
Bank: CIMB BANK
Account number: 8605611971
Swift Code: CTBBMYKL
Remarks: SEACOFSS2024
Yayasan Strategik Lestari | www.yslestari.org.my | Email: info@seacofss.com | http://www.seacofss.com


YAYASAN STRATEGIK LESTARI
Webinar Lestari
MEMODENKAN PERIKANAN LAUT DALAM MALAYSIA
Panel Pembentang
DR MOHD FAZRUL HISAM ABD AZIZ
Pensyarah kanan bidang Teknologi Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
PENYERTAAN TERBUKA & PERCUMA!
AHAD 12 MEI 2024
MASA 4:00 - 6:00 PETANG
DI PLATFORM ZOOM (Online)
Yayasan Strategik Lestari | www.yslestari.org.my



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**